

10/09/2000

Nama Umno masih dijaja pihak tertentu di Sarawak

KUCHING: Nama Umno masih dijaja pihak tertentu di negeri ini, khususnya di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Demak Laut, sungguhpun pucuk kepimpinan parti sudah berulang kali menegaskan tidak akan mengembangkan sayapnya ke Sarawak.

Ahli Dewan Undangan Negeri Demak Laut, Dr Abang Abdul Rauf Abang Zen, ketika mendedahkan perkara itu, menyatakan golongan berkenaan memperalatkan nama Umno demi mencapai kepentingan politik peribadi mereka.

Sehubungan itu, Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) Bahagian Demak Laut akan mengambil langkah memastikan semua penduduk di kawasan berkenaan agar tidak menjadi mangsa kepada golongan itu.

Beliau yang juga Ketua Bahagian PBB Demak Laut berkata, pihaknya akan memberi penjelasan secara menyeluruh kepada penduduk, termasuk mungkin mengedarkan surat rasmi daripada Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob, yang menyatakan pendirian Umno terhadap isu berkenaan.

"Pengedaran surat rasmi Setiausaha Agung Umno itu akan dilakukan, sebaik PBB bahagian mendapat kebenaran PBB negeri," katanya.

Ibu pejabat PBB negeri sebelum ini menerima surat rasmi daripada Setiausaha Agung Umno yang menyatakan bahawa Umno di Kuala Lumpur tidak akan memberi sokongan atau merestui golongan yang tidak bertanggungjawab di negeri ini yang menggunakan nama Umno.

Malah Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sendiri telah menyatakan pendirian parti itu yang tidak akan menerima pihak yang menggunakan nama Umno di Sarawak.

Dr Abang Abdul Rauf berkata, pihak berkenaan tidak sekadar menggunakan nama Umno, sebaliknya turut berusaha melaga-lagakan penduduk dengan membangkitkan isu perkauman.

Katanya, pihak berkenaan bergerak dari rumah ke rumah dan kadangkala mengadakan majlis perjumpaan dengan penduduk di sesuatu kawasan.

Beliau berkata, pihak berkenaan menjanjikan kepada penduduk bahawa kerusi yang dimenangi calon mereka pada pilihan raya negeri kelak adalah untuk Umno.

(END)